

PERATURAN SEKOLAH DAN ASRAMA SEKOLAH KIBLAH, BANGI, SELANGOR

Peraturan-peraturan ini diwajibkan kepada semua pelajar dengan tujuan kebajikan dan mendisiplinkan pelajar-pelajar di samping melicinkan perjalanan dan pentadbiran sekolah dan asrama menuju kepada matlamatnya.

Setiap individu pelajar diwajibkan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

SURAT AKU JANJI PELAJAR

NAMA PELAJAR : _____

Saya yang bernama seperti di atas dengan ini mengaku bahawa saya bersetuju akan mematuhi segala peraturan sekolah / asrama selama saya belajar di sekolah ini. Sekiranya saya melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan, saya sanggup dan bersedia menerima sebarang bentuk hukuman yang berkaitan setimpal dengan kesalahan yang saya telah lakukan. Persetujuan ini dibuat atas kesedaran dan kerelaan hati saya sendiri tanpa desakan atau paksaan mana-mana pihak.

Tandatangan pelajar

.....
()

Tarikh :

PENGAKUAN PENJAGA

Saya _____
penjaga kepada _____
mengakui telah membaca buku peraturan ini dan bersetuju menasihati anak-anak jagaan saya supaya mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung dalam buku peraturan ini. Saya memberi sepenuh kepercayaan kepada pihak sekolah untuk mengendali dan menyelesaikan kes disiplin yang melibatkan anak saya.

Tandatangan :

Nama :

No K/P :

Tarikh :

Buku Panduan dan Peraturan Sekolah / Asrama Ini Mengandungi :

1. Peraturan Sekolah

- Waktu Persekolahan
- Kehadiran
- Perhimpunan
- Pakaian dan Perwatakan
- Rambut dan Kekemasan Diri
- Bilik Kelas
- Waktu Rehat / Makan
- Aktiviti Ko-Kurikulum dan Penghayatan Islam
- Meninggalkan Kawasan Sekolah
- Kebenaran Lawatan
- Ujian Dan Peperiksaan
- Yuran Persekolahan
- Papan Kenyataan
- Kenderaan
- Surat Menyurat
- Perpustakaan
- Waktu Solat
- Harta Benda dan Peralatan Sekolah
- Kebersihan dan Keceriaan Sekolah
- Kesihatan, Keselamatan dan Kecemasan
- Kawasan / Tempat Larangan
- Barang-Barang Larangan
- Tindakan / Denda

2. Peraturan Asrama

- Kawasan Dan Bilik Asrama
- Waktu Makan
- Peraturan Dewan Makan
- Pakaian
- Peraturan Kad Keluar Pelajar
- Peraturan Waktu Malam
- Musolla
- Bilik Rehat

- Kecemasan / Sakit
- Pelawat
- Balik Kampung / Keluar Bermalam di Rumah Saudara
- Kawasan Larangan
- Barang Larangan
- Tatasusila Penghuni Asrama
- Tindakan Dan Tatatertib

3. Jadual Waktu Harian Pelajar

- Jadual Waktu Harian (Isnin – Khamis)
- Jadual Waktu Harian (Jumaat)
- Jadual Waktu Harian (Sabtu)
- Jadual Waktu Harian (Ahad)

4. Program Sistem Penalti (PSP)

- Jenis kesalahan
- Program Sistem Penalti (PSP)

PANDUAN DAN PERATURAN SEKOLAH (Diwajibkan ke atas pelajar harian dan asrama)

01. WAKTU PERSEKOLAHAN

ISNIN	07.45 PAGI - 04.30 PETANG
SELASA	07.30 PAGI - 04.30 PETANG
RABU – KHAMIS	07.30 PAGI - 04.00 PETANG
JUMAAT	07.30 PAGI - 12.15 PETANG

1. Kelas Tilawah dan Tahfiz : 6.15 am - 7.00 am
(Mengikut kumpulan usrah yang telah ditetapkan)
2. Program berkala Penghayatan Islam : 8.00– 10.00 malam
(Setiap hari Jumaat)

02. KEHADIRAN

01. Pelajar-pelajar mesti hadir ke sekolah sebelum atau pada 7.30 pagi setiap hari.
02. Pelajar diwajibkan hadir dan beratur di perhimpunan setiap hari kecuali arahan-arahan tertentu.
03. Pelajar wajib hadir mengikuti kelas masing-masing.
04. Kehadiran pelajar akan diambil pada masa yang pertama.
05. Pelajar yang tidak hadir ke sekolah disebabkan sakit atau sebagainya mestilah memaklukkannya kepada pihak yang bertanggungjawab (melalui surat sokongan ibu bapa / penjaga, warden, atau surat akuan doktor)
06. Pelajar yang ponteng (sekolah / kelas / kuliah) adalah satu kesalahan.

03. PERHIMPUNAN

01. Perhimpunan harian dan mingguan bermula jam 7.30 pagi.
02. Kehadiran pada setiap perhimpunan adalah wajib.

03. Setiap pelajar dikehendaki berada dalam barisan lurus mengikut kelas masing-masing.
04. Berada dalam keadaan yang tertib dan sopan serta bersedia mendengar dan melaksanakan setiap ucapan / arahan guru / pengawas.
05. Berikut adalah atur cara perhimpunan mingguan;
 - Pelajar-pelajar menyanyikan Lagu Negaraku
 - Pelajar-pelajar menyanyikan Lagu Negeri Selangor
 - Pelajar-pelajar menyanyikan nasyid sekolah (Al Asma' Al Husna)
 - Pelajar-pelajar membaca ikrar pelajar.
 - Pelajar-pelajar membaca doa.
 - Ucapan alu-aluan kedatangan guru-guru dan para pelajar.
 - Ucapan / Ulasan guru bertugas mingguan.
 - Ucapan tazkirah daripada guru
 - Ucapan / Ulasan guru disiplin
 - Ucapan / Ulasan guru pembangunan diri
 - Ucapan guru-guru (jika ada)
 - Ucapan Pengetua
 - Pelajar bersurai dalam barisan

04. PAKAIAN DAN PERWATAKAN

Pelajar-pelajar hendaklah berpakaian seragam yang lengkap seperti mana yang telah ditetapkan pada waktu persekolahan

Pakaian seragam sekolah (lelaki)

1. Baju melayu Brunei (moden) warna putih.
2. Songkok hitam.
3. Seluar panjang warna hitam (slack)
4. Stoking putih.
5. Kasut kulit / PVC hitam bertampuk lembut.
6. Baju melayu berwarna putih lengkap bersamping dengan warna biru tua. (pakaian rasmi pada hari jumaat dan sembahyang jumaat).
7. Lencana sekolah dipakai pada bahagian dada sebelah kiri.
8. Rambut mestilah pendek serta kemas.
9. Kuku hendaklah sentias dipotong pendek dan bersih.
10. Mulut, gigi dan badan sentiasa bersih dan tidak berbau.
11. Pakaian mestilah kemas, lengkap dan bersih.

*** Larangan**

- Seluar panjang yang ketat, track bottom, jeans dan seluar yang berwarna-warni.
- Stoking berwarna warni selain daripada hitam.
- Kasut jenis kanvas dan yang bertali

Pakaian seragam sekolah (perempuan)

1. Wajib mengikut rekaan / bentuk dan warna yang ditetapkan (biru tua).
2. Jubah mestilah longgar
3. Lengan "bercuff" selebar 2 inci.
4. Tudung berbentuk bulat dan labuh ke paras punggung.
5. Wajib menggunakan anak tudung berwarna putih.
6. Seluar panjang jenis slack yang longgar berwarna hitam atau biru tua.
7. Sarung kaki berwarna hitam sahaja.
8. Kasut jenis simple , pvc / berkulit dan tidak bertali tanpa "cutting" berlebihan dan bertumit tidak melebihi 1 inci.
9. Digalakkan mengenakan "niqob" untuk mengelakkan fitnah atas diri sendiri dan orang lain.
10. Kuku hendaklah sentiasa dipotong pendek dan bersih
11. Mulut, gigi dan badan sentiasa bersih dan tidak berbau.
12. Pakaian mestilah kemas, lengkap dan bersih.

*** Larangan**

- Jubah yang ketat.
- Tudung berbentuk 3 segi atau tudung yang singkat.
- Seluar panjang yang ketat, track bottom, jeans dan seluar yang berwarna-warni.
- Sarung kaki berwarna warni selain daripada hitam.
- Kasut jenis kanvas dan yang bertali.

05. RAMBUT DAN KEKEMASAN DIRI

01. Pelajar lelaki dilarang berambut panjang. Istilah panjang adalah seperti berikut ;
 - Di belakang : Rambut jatuh melebihi garisan di bawah cuping telinga
 - Di depan : Rambut menutupi garisan tengah dahi
 - Di sebelah : Rambut menutup kedua-dua belah telinga atau sebahagian daripadanya atau sideburn (jambang) melebihi garisan tengah hidung
 - Di atas : Rambut melebihi 3 inci panjang
02. Pelajar juga dilarang keras mengenakan fesyen-fesyen tertentu pada rambut seperti punk, tobek, skinhead, botak dan seumpamanya.
03. Pelajar yang melanggar peraturan ini akan dipotong rambutnya.

06. BILIK KELAS

01. Pelajar hendaklah mengikuti pelajaran dan pengajaran guru bagi setiap mata pelajaran dengan tekun dan penuh minat.
02. Pelajar diwajibkan mengikuti kesemua mata pelajaran di dalam kelas.
03. Setiap pelajar hendaklah sentiasa patuh kepada guru / ketua kelas / pengawas.
04. Berikut adalah perkara-perkara yang mesti dipamerkan di dalam setiap kelas ;
 - Carta organisasi kelas
 - Jadual bertugas kebersihan kelas
 - Jadual mata pelajaran bagi kelas tersebut
05. Pelajar dikehendaki memberi salam apabila masuk ke bilik kelas.
06. Setiap kelas digalakkan memenuhkan ruang kenyataan dengan maklumat, poster atau fakta-fakta yang berkenaan pengetahuan am atau pembelajaran.
07. Pelajar mesti memberi perhatian dan berkelakuan baik sepanjang berada di dalam kelas sama ada guru ada atau sebaliknya.
08. Kerja-kerja rumah wajiblah disiapkan mengikut tempohnya.
09. Pelajar tidak dibenarkan membuat bising walau pun ketiadaan guru di kelas.
10. Pelajar tidak dibenarkan keluar ke tandas atau lari pada masa belajar atau pertukaran mata pelajaran / guru, kecuali dalam keadaan terdesak atau dengan kebenaran guru sahaja.
11. Pelajar dikehendaki memakai kad keluar / masuk apabila keluar daripada kelas.
12. Tidak dibenarkan makan dan minum atau tidur semasa berada di dalam kelas.
13. Bergurau, mengusik dan bermain-main di dalam kelas adalah dilarang.
14. Pastikan bilik kelas kemas, bersih, ceria dan dilarang sama sekali menconteng dinding, papan putih, kerusi, meja dan lain-lain.
15. Pelajar mestilah meninggalkan bilik kelas dengan tertib, berakhlak dan dalam keadaan senyap pada waktu rehat atau balik.
16. Sebelum balik pastikan kerusi dan meja teratur, tingkap, lampu dan kipas ditutup.
17. Setiap kelas hendaklah ditutup dan dikunci setelah tamat waktu persekolahan setiap hari.
18. Jika ada urusan di pejabat, sekolah atau guru, pelajar mestilah mendapat kebenaran mana-mana pihak yang bertanggungjawab.

07. WAKTU REHAT / MAKAN

01. Pelajar hendaklah makan pada waktu yang telah ditetapkan iaitu antara jam 10.45 hingga 11.15 pagi (Isnin – Khamis) dan 9.45 hingga 10.15 pagi (Jumaat).
02. Sentiasa beramal dengan adab makan / minum yang ditentukan syarak.

03. Pelajar tidak dibenarkan berada di dalam bilik darjah semasa waktu rehat / makan.
04. Pihak sekolah menyediakan makanan ringan semasa rehat.
05. Pelajar tidak dibenarkan membeli makanan di luar kawasan sekolah.
06. Pelajar-pelajar mesti mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kantin :
 - Masuk ke kantin tanpa sebarang alas kaki.
 - Beratur semasa mengambil makanan.
 - Makan di tempat yang telah disediakan.
 - Berdoa serta mencuci tangan sebelum dan selepasnya.
 - Makan dengan tangan kanan sahaja.
 - Tidak dibenarkan makan dan minum sambil berjalan atau berdiri.
 - Tidak dibenarkan berada dalam bilik kelas atau di tempat makan guru.
 - Sentiasa menjaga kebersihan tempat makan dan kantin.
 - Tidak membawa makanan / minuman keluar dari kantin.

08. AKTIVITI KO-KURIKULUM DAN PENGHAYATAN ISLAM

01. Pelajar dikehendaki mengikuti kesemua program Penghayatan Islam dan Ko-kurikulum.
02. Pelajar diwajibkan menjadi ahli sekurang-kurangnya satu dalam persatuan, kelab sukan / permainan dan badan beruniform serta wajib menghadiri setiap aktiviti.
03. Pelajar wajib menghadiri setiap perjumpaan dan mengambil bahagian cergas di dalamnya.
04. Pelajar dikehendaki memakai pakaian yang dihaskan untuk setiap perjumpaan atau aktiviti ko kurikulum ;

Bagi lelaki ;

1. Berbaju T yang dikeluarkan oleh pihak sekolah.
2. Berseluar track / slack yang berwarna hitam
3. Berkasut PVC / kulit berwarna hitam
4. Berstoking

Bagi perempuan ;

1. Baju jubah yang lengkap berwarna hitam
2. Bertudung labuh
3. Berkasut PVC / kulit berwarna hitam
4. Berstoking

5. Pelajar yang mempunyai bakat tertentu digalakkan mengambil bahagian di dalam aktiviti yang dikhususkan seperti acara-acara sukan dan pertandingan-pertandingan ilmiah / akademik.

09. MENINGGALKAN KAWASAN SEKOLAH

01. Pelajar dilarang meninggalkan kawasan sekolah dengan apa jua sebab melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada pengetua.

10. KEBENARAN LAWATAN

01. Pelawat-pelawat dari kalangan ibu bapa / penjaga / waris / individu perseorangan atau kumpulan / agensi perlu mendapat kebenaran pengetua untuk berjumpa mana-mana pelajar.

11. UJIAN DAN PEPERIKSAAN

01. Pelajar mestilah mematuhi segala arahan semasa ujian / peperiksaan dijalankan.
02. Pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan pada musim cuti sekolah tidak terkecuali daripada semua peraturan sekolah dan asrama.
03. Pelajar tidak dibenarkan pulang ke rumah / asrama lebih awal dari waktu persekolahan biasa kecuali mendapat kebenaran pengetua.
04. Kehadiran adalah wajib, meniru adalah ditegah.

12. YURAN PERSEKOLAHAN

01. Yuran bulanan pelajar hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 7 hari bulan setiap bulan.
02. Lain-lain bayaran hendaklah dibuat mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan.
03. Pastikan serahan resit semasa pembayaran dan hendaklah disimpan dengan baik untuk rujukan.
04. Setiap pembayaran yuran bulanan hendaklah direkod di dalam kad rekod pembayaran yuran yang disediakan.

13. PAPAN KENYATAAN

01. Pelajar digalakkan membaca segala maklumat / kenyataan yang berkaitan aktiviti sekolah di papan kenyataan.

02. Segala kenyataan yang hendak diletakkan di papan kenyataan mestilah mendapat kebenaran / kelulusan dari pengetua.
03. Pelajar ditegah daripada mengotor, merosak, menconteng atau memusnahkan sebarang kenyataan yang diletakkan.

14. KENDERAAN

01. Kenderaan pelajar hendaklah diletak dan dikunci di tempat yang dikhaskan.
02. Pelajar dilarang keras berkenderaan dalam kawasan sekolah.
03. Pelajar dinasihatkan sentiasa mematuhi undang-undang jalan raya.

15. SURAT MENYURAT

01. Para pelajar tidak dibenar menggunakan alamat sekolah untuk urusan surat menyurat melainkan dengan kebenaran pengetua.
02. Pengetua, Ketua Jabatan HEP dan Guru Disiplin berhak membuka sebarang surat pelajar yang dialamatkan ke sekolah.

16. PERPUSTAKAAN

01. Memastikan mengikut peraturan yang telah ditetapkan .
02. Jangan membuat bising serta pastikan suasana perpustakaan dijaga bersama.
03. Menjaga buku dengan baik dan kembalikan semula ke tempatnya dengan teratur.
04. Memulangkan buku pinjaman tepat pada masanya.
05. Menjaga kebersihan dan keceriaan perpustakaan dengan sempurna.
06. Menggunakan kad perpustakaan.

LARANGAN

1. Dilarang membawa beg.
2. Dilarang membuat bising.
3. Dilarang masuk tanpa kebenaran guru bertugas.
4. Dilarang membawa makanan atau minuman.
5. Dilarang sama sekali tidur di dalam perpustakaan.

17. WAKTU SOLAT

01. Semua pelajar diwajibkan berada di surau sekolah untuk mengerjakan solat zohor dan asar berjemaah.
02. Pelajar mesti mematuhi semua peraturan dan jadual di surau

03. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga akhlak yang baik semasa berada dalam surau.
04. Menjaga kebersihan surau adalah tanggungjawab pelajar bersama.
05. Pelajar tidak dibenarkan membuat bising atau tidur.

18. HARTA BENDA DAN PERALATAN SEKOLAH

01. Kesemua peralatan sekolah hendaklah dijaga dan digunakan dengan cermat serta bertanggung jawab.
02. Peralatan hendaklah disimpan di tempat asal apabila telah selesai menggunakannya.
03. Sentiasa berjimat cermat apabila menggunakan air, elektrik dan lain-lain.
04. Sekiranya berlaku kerosakan, hendaklah melaporkan segera kepada pihak yang bertanggung jawab.
05. Menconteng, melukis atau merosakkan harta benda sekolah adalah satu kesalahan.
06. Harta sekolah adalah tanggungjawab semua pelajar.

19. KEBERSIHAN DAN KECERIAAN DI SEKOLAH

01. Kebersihan dan keceriaan sekolah adalah tanggungjawab semua warga sekolah.
02. Pelajar hendaklah sentiasa bersih dan ceria.
03. Pelajar mesti menjaga kebersihan kelas dan persekitarannya.
04. Pelajar hendaklah menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran sekolah.
05. Pelajar juga dikehendaki menggunakan tandas, tempat wudu' mengikut peraturan dan sentiasa menjaga kebersihan.
06. Ditegah keras merosak, mengotor dan menconteng meja, kerusi, dinding, tandas, kantin dan asrama.

20. KESIHATAN, KESELAMATAN DAN KECEMASAN

01. Apa jua hal-hal kecemasan di sekolah samada pada diri sendiri, rakan atau melibatkan premis hendaklah dilaporkan segera kepada mana-mana guru.
02. Pelajar hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan kecemasan / kebakaran.
03. Jika pelajar sakit dan ingin ke klinik (dengan pengesahan warden / HEP), sila hubungi guru yang bertugas mingguan untuk tindakan lanjut.

21. KAWASAN / TEMPAT LARANGAN.

Kawasan dan tempat-tempat berikut adalah kawasan larangan kepada para pelajar tanpa kebenaran guru atau pengetua :

01. Bilik pengetua
02. Pejabat sekolah
03. Kawasan asrama / dorm / surau
04. Bilik guru lelaki dan perempuan
05. Tandas guru
06. Tandas lelaki bagi pelajar perempuan pada setiap masa
07. Tandas perempuan bagi pelajar lelaki
08. Tempat rehat perempuan bagi pelajar lelaki
09. Persekitaran kantin ketika masa belajar.
10. Kelas dan kantin bagi pelajar perempuan pada waktu rehat / makan
11. Tempat rehat perempuan bagi pelajar perempuan pada waktu belajar
12. Bilik stor, makmal, bengkel, perpustakaan, bilik komputer, bilik audio visual, bilik akses, bilik pengawas, bilik kaunseling dan dewan utama.
13. Kawasan 10 meter dari pintu pagar utama, pada waktu pembelajaran dijalankan.

22. BARANG-BARANG LARANGAN

01. Semua jenis dadah / drugs
02. Semua jenis hasil tembakau.
03. Semua jenis minuman keras.
04. Semua jenis senjata tajam dan senjata api.
05. Lighter / mancis / lilin / pelita dan seumpamanya.
06. Alat-alat yang bersifat tajam.
07. Kamera / Telefon bimbit / Pager / Radio / Televisyen / MP3 / MP4 / Walkman
08. Seluar jeans.
09. Memiliki wang perbelanjaan melebihi RM 15 setiap orang
10. Pakaian yang tidak bermoral seperti pakaian yang ketat, mendedahkan aurat, mempunyai gambar artis, lambang-lambang yang merosakkan dan sebagainya.
11. Minyak wangi (untuk perempuan).
12. Kosmetik (untuk perempuan).
13. Semua jenis barang kemas.
14. Rantai / gelang / cincin untuk pelajar lelaki.
15. Komik / Majalah hiburan / Novel Cinta / Gambar atau poster artis / Gambar diri berfokus keterlaluan / tidak bersopan.
16. Cermin mata hitam / teropong
17. Pita video / Kaset / CD / DVD.
18. Semua jenis peralatan elektrik melainkan seterika sahaja.

19. Tanda-tanda / lencana / poster / bahan yang berunsur politik.
20. Kad magik, kad pokémon, kad yo-yo, kad poker dan seumpamanya
21. Semua jenis ubat-ubatan melainkan dengan kebenaran pengetua.

** Mana-mana barang larangan yang dirampas tidak akan diserahkan semula kepada pemiliknya kecuali duit.

23. TINDAKAN / DENDA

Berikut adalah di antara denda-denda yang akan dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan dan melanggar peraturan, tindakan / denda seperti berikut :

01. Nasihat / Teguran.
 02. Amaran peribadi.
 03. Amaran keras atau di depan umum.
 04. Rotan ringan.
 05. Membuat kerja ringan.
 06. Membuat kerja berat.
 07. Kelas tahanan.
 08. Sesi kaunseling.
 09. Surat kepada ibubapa / penjaga.
 10. Panggil ibu bapa / penjaga ke sekolah.
 11. Tindakan nyata seperti rambut dipotong, barang dirampas dan sebagainya.
 12. Laporan ke pihak Polis atau Jabatan Kabajikan Masyarakat.
 13. Bayar ganti rugi.
 14. Rotan berat.
 15. Gantung persekolahan.
 16. Bayar wang jaminan RM 300.00
 17. Tidak diberi atau ditahan keputusan peperiksaan, sijil atau suratakuan sokongan untuk biasiswa atau melanjutkan pelajaran.
 18. Diberhentikan atau dibuang sekolah.
- ❖ Pelaksanaan disiplin sekolah berdasarkan Program Sistem Penalti (PSP). Sila rujuk program tersebut dalam buku ini.
 - ❖ Sebarang rayuan ke atas denda hendaklah dibuat melalui Jabatan HEP.
 - ❖ Kuasa pemutus dalam semua hal disiplin ialah Pengetua.

PANDUAN DAN PERATURAN ASRAMA (Diwajibkan ke atas pelajar asrama)

01. KAWASAN DAN BILIK ASRAMA

01. Bilik-bilik tidur, tandas dan kawasan asrama hendaklah dijaga dengan bersih, penghuni hendaklah membuang sampah sarap di tempat-tempat yang disediakan.
02. Kasut, pakaian, buku dan lain-lain barang kepunyaan sendiri mestilah disimpan dan disusun dengan baik.
03. Tempat tidur hendaklah dikemaskan dengan rapi setiap hari, kain selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil, kain cadar / sarung bantal berwarna putih hendaklah sentiasa di dalam keadaan kemas dan bersih.
04. Tuala dan pakaian basah hendaklah disidai di penyidai kain yang telah disediakan. Adalah dilarang menyidai di tingkap, di katil dan di kaki lima bangunan.
05. Semua pakaian dan kasut yang hendak dibasuh, dilarang diletakkan atau pun direndamkan di dalam sink.
06. Penghuni asrama tidak dibenarkan mengubah katil, almari atau lain barang dan alatan asrama mengikut sesuka hati.
07. Penghuni dilarang duduk atau tidur dua orang di atas katil.
08. Penghuni dikehendaki berada di tempat tidur selewat-lewatnya pada pukul 11.00 malam.
09. Penghuni dilarang menggunakan bilik rehat selepas pukul 8.30 malam kecuali pada hari kelepasan sekolah.
10. Penghuni tidak dibenarkan baring-bering, berehat-rehat atau tidur di surau asrama.
11. Lampu / kipas hendaklah dimatikan ketika meninggalkan asrama kecuali jika terdapat penghuni yang sakit.
12. Operasi membersihkan bilik hendaklah diadakan pada tiap-tiap minggu atau pada bila-bila masa yang diperlukan. Ketua bilik hendaklah memastikan semua penghuni mengambil bahagian.

02. BILIK AIR DAN BILIK MEMBASUH

01. Penghuni tidak dibenar meninggalkan baldi di merata-rata tempat. Baldi hendaklah disimpan di tempat yang disediakan.
02. Paip-paip yang digunakan hendaklah ditutup rapat selepas digunakan walaupun pada masa ketiadaan air.

03. Jangan membuang pembalut sabun , sisa makanan dan sebagainya di merata-rata tempat. Gunakan tong sampah yang disediakan.
04. Tidak dibenarkan merendam pakaian di dalam sink. Dilarang membuang sebarang objek seperti tuala wanita, sabun dan seumpamanya di dalam lubang tandas . Selepas menggunakan tandas , hendaklah dibersihkan dengan menggunakan berus tandas yang disediakan. Pastikan tandas dan bilik asrama sentiasa bersih.

03. WAKTU MAKAN

01. Penghuni hendaklah berpakaian kemas dan bersih ketika di dewan makan. Makan tengahari pada hari-hari persekolahan dikehendaki dengan pakaian sekolah.
02. Penghuni hendaklah menepati masa semasa berada di dewan makan.
03. Memulakan makan dengan bacaan Bismillah dan menyudahkan makan dengan alhamdulillah.
04. Dilarang berebut-rebut semasa makan.
05. Dilarang bersifat tamak dan mengambil makanan yang berlebihan.
06. Dilarang membuat bising seperti berteriak-teriak , melaga-lagakan sudu dan garfu , pinggan , mangkuk dan sebagainya.
07. Jangan dibiarkan tulang-tulang atau sisa-sisa makanan di atas meja. Selepas makan hendaklah dibuang ke tempat yang disediakan.
08. Makanan dari dewan makan tidak dibenarkan dibawa keluar atau dibawa ke asrama.
09. Pelajar hendaklah mematuhi peraturan-peraturan dewan makan seperti berikut ;
 - Jadual makan adalah sebagaimana di dalam jadual harian pelajar Sekolah Kiblah. Pelajar lewat tidak dibenarkan masuk ke dewan makan.
 - Pelajar-pelajar dilarang berkeliaran di kawasan dewan selain dari waktu makan dan dilarang juga masuk ke dapur.
 - Pelajar yang memerlukan makanan lebih awal / lewat sebab berpuasa atau pulang dari rombongan , hendaklah memberitahu Pengurus Domestik / Peyelia Kantin / Tukang Masak terlebih dahulu.
 - Pinggan , mangkuk , cawan , dulang dan lain-lain peralatan dapur / kantin tidak dibenarkan bawa keluar dari dewan makan.
 - Pelajar mesti beratur semasa mengambil makanan.
 - Selepas makan , pelajar-pelajar dikehendaki mencuci pinggan dan cawan sendiri , meja makan dan membuang lebihan makanan ke dalam bekas yang disediakan.
 - Dilarang makan dan minum di dalam kelas dan tempat makan guru.

05. KIRIMAN BUNGKUSAN MAKANAN

01. Bungkusan makanan boleh diterima dari rumah masing-masing. Ibu / Bapa / Penjaga adalah dinasihatkan supaya tidak menghantar makanan yang mudah basi / busuk.
02. Makanan tidak boleh dibawa ke bilik kuliah, makmal, musolla, kelas, bilik komputer, dewan utama dan perpustakaan.
03. Penghuni dibenarkan menyimpan makanan kering sahaja seperti biskut. Makanan tersebut hendaklah disimpan di dalam bekas yang baik , bagi mengelakkan semut dan lipas.

06. PAKAIAN

Pakaian Pelajar (Lelaki) :

01. Penghuni dikehendaki memakai pakaian rasmi sekolah pada waktu persekolahan , perjumpaan , aktiviti atau perpustakaan. Mereka juga dikehendaki memakai pakaian asrama semasa mewakili asrama atau semasa pulang ke rumah masing-masing dan sebaliknya.
02. Penghuni dilarang sama sekali memakai barang kemas dan alat-alat solek kecuali jam tangan.
03. Penghuni dikehendaki memakai pakaian yang kemas dan bersopan sepanjang masa.
04. Pakaian semasa menghadiri kelas pendidikan jasmani :
 - Baju T berkolar sahaja dibenarkan dan jika tidak berkolar pastikan ianya keluaran Kiblah sahaja.
 - Hanya seluar panjang sukan , kasut sukan dan sarung kaki yang sesuai.
05. Kegiatan badan beruniform hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan oleh badan-badan tersebut.
06. Jika tiada apa-apa syarat pakaian ditentukan, pakaian bebas tetapi kemas. Pengecualian pada warna dibenarkan.

Larangan :

- Seluar pendek
- Seluar steng
- Seluar jeans

Pakaian Pelajar (Perempuan) :

01. Penghuni dikehendaki memakai pakaian rasmi sekolah pada waktu persekolahan , perjumpaan , aktiviti dan perpustakaan.

02. Wajib memakai baju kurung atau jubah atau sebarang fesyen yang longgar dan labuh sepertinya.
03. Tudung digalakkan dan tudung tiga segi tidak dibenarkan.
04. Kasut atau sandal dibenarkan. Selipar jepun atau sejenisnya hanya untuk kegunaan ke tandas sahaja.
05. Dalam Dorm SAHAJA dibenarkan memakai seluar track / slack yang longgar dengan kemeja atau T-shirt berlengan panjang sahaja.
06. Pelajar digalakkan memakai pakaian yang bersopan seperti baju kurung dan jubah di kawasan asrama.
07. Pakaian keluar / masuk asrama ; jubah labuh dan tudung gelap / hitam (tudung bulat atau tiga segi 60" sahaja) serta berstoking hitam.
08. Jubah / jubah berseluar yang terbelah tepi dibenarkan dengan syarat belah tidak melebihi paras lutut.

Larangan :

01. Membawa blause dan T-shirt berlengan pendek dan ketat.
02. Membawa seluar jeans , slack yang ketat.
03. Memakai pakaian dorm di kawasan asrama yang lain seperti kantin , surau , perpustakaan dan lain-lain.
04. Memakai pakaian dorm yang ditutup dengan telekong sembahyang untuk kawasan asrama yang lain.
05. Membawa atau memakai sebarang bentuk wangi-wangian kecuali "deodorant" untuk menghilangkan bau badan sahaja.
06. Segala bentuk barang kemas dan hiasan adalah dilarang.
07. Sebarang bentuk alat solek dilarang dengan keras.
08. Berkemban dari asrama ke bilik mandi.

07. PERATURAN KAD KELUAR PELAJAR

01. Setiap orang pelajar akan memiliki sekeping kad / buku pelajar bagi kegunaan keluar / masuk asrama.
02. Semasa hendak keluar meninggalkan asrama , kad pelajar ini hendaklah ditandatangani oleh ketua warden dan waris yang dibenarkan sahaja.
03. Kad / buku ini hendaklah ditinggalkan bersama warden asrama semasa meninggalkan asrama.
04. Bagi pelajar perempuan, hanya dibenarkan keluar / balik kampung bersama waris yang tercatat di dalam kad keluar masuk sahaja dan sekiranya waris tersebut tidak dapat hadir, maka wakilnya hendaklah dimaklumkan kepada pengetua / warden secara lisan dan bertulis.
05. Pelajar tidak dibenarkan keluar dengan mengikut kawan atau ibu bapa / penjaga pelajar lain kecuali mendapat keizinan daripada pengetua dan ibu bapa / penjaga.
06. Kad keluar masuk pelajar hendaklah disimpan dengan baik dan selamat. Sebarang kehilangan boleh didenda dengan bayaran sebanyak RM 10.00.

08. BALIK KAMPUNG / KELUAR BERMALAM DI RUMAH SAUDARA

01. Pelajar dibenarkan balik kampung / bermalam di rumah sekali dalam sebulan (rujuk takwim sekolah)
02. Untuk tujuan keselamatan, ibu bapa / penjaga pelajar (digalakkan bagi pelajar lelaki / diwajibkan bagi pelajar perempuan) menjemput atau menghantar wakil (yang telah direkodkan dalam kad keluar masuk) dan menghantar kembali dengan cara yang sama , kad lawatan / buku keluar masuk mestilah ditunjukkan kepada warden yang bertugas.
03. Dilarang bermalam di rumah kawan kecuali mendapat kebenaran penjaga.
04. Dalam keadaan kecemasan pelajar mestilah :
 - Mendapat kebenaran daripada Pengetua.
 - Menunjukkan surat atau bukti waris yang menjemput pelajar. Ini adalah untuk menentukan bahawa keadaan kecemasan itu adalah sah.

09. PERATURAN WAKTU MALAM

01. Mentelaah kelas persediaan malam (prep) ialah dari jam 9.00 – 10.30 malam. Pada waktu ini pelajar wajib berada di kelas-kelas yang telah diperuntukkan.
02. Pelajar mestilah mematuhi segala peraturan yang dikenakan semasa mentelaah.
 - Berpakaian sebagaimana yang ditetapkan ;
Bagi pelajar lelaki ;
 - Berpakaian kemas
 - Beseluar slack / Baju-T / Kemeja
 - Kain pelikat / batik tidak dibenarkanBagi pelajar perempuan ;
 - Berjubah / Baju Kurung / Bertudung
 - Pelajar tidak dibenarkan merayau-rayau dari satu tempat ke satu tempat.
 - Pelajar tidak dibenarkan membawa atau makan ke dalam bilik mentelaah.
 - Pelajar dihendaki menjaga tatatertib dan ketenteraman semasa mentelaah.
03. Semua lampu bilik mesti dipadamkan jam 11.00 malam. Pelajar mesti berada di katil masing-masing selepas lampu padam.
04. Menonton TV / Video hanya dengan kebenaran Pengetua / Guru HEP / Warden berpandukan jadual yang telah ditetapkan.

10. MUSOLLA

Kewajipan :

01. Semua pelajar mestilah solat berjemaah dan berada di surau 5 minit sebelum azan.
02. Semua pelajar dikehendaki solat sunat rawatib.
03. Berwirid selepas menunaikan solat fardhu.
04. Berpakaian teratur dan kemas seperti :

Bagi lelaki ;

1. Baju Melayu
2. Jubah
3. Kopiah / songkok atau seumpamanya.
4. Lain-lain yang bersesuaian.

Bagi perempuan ;

1. Pakaian sembahyang yang disyariatkan untuk perempuan.
05. Mengikuti program yang ditetapkan seperti kuliah dan tazkirah selepas solat.
06. Pastikan selipar disusun teratur dan baik.
07. Memastikan juga kebersihan , kesucian dan keindahan surau.
08. Pastikan beratur semasa hendak keluar dari surau.
09. Sejadah , kitab-kitab atau Al-Quran hendaklah disusun dengan kemas dan teratur.

Larangan :

1. Membuat bising dan bergurau senda.
2. Memakai pakaian yang tidak sesuai dan tidak bersopan.
3. Mengotorkan atau merosakan harta benda di dalam surau.
4. Tidur di dalam surau.
5. Makan / minum dan bermain-main di dalamnya.
6. Datang lewat dari masa yang telah ditetapkan.

11. BILIK REHAT

01. Semua penghuni adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keselamatan alatan di dalam bilik rehat.

02. Penghuni hendaklah menyimpan semula surat khabar atau majalah yang dibaca ke tempat yang telah disediakan dan dilarang membawa keluar sama sekali.
03. Penghuni dilarang membawa makanan dan minuman atau makan dalam bilik ini.
04. Penghuni dilarang berbaring atau duduk dengan cara yang kurang sopan.

12. KECEMASAN / SAKIT

01. Pelajar yang sakit hendaklah dilaporkan kepada warden bertugas.
02. Pelajar yang memerlukan rawatan doktor atau diberikan kebenaran ke hospital, dengan bas / van bila diperlukan.
03. Pelajar yang sakit kronik , demam yang kuat dan penyakit berjangkit, dibenarkan balik ke rumah / kampung.

13. PELAWAT

01. Semua pelawat hendaklah melaporkan diri kepada warden bertugas / pejabat dan kemudian menunggu pelajar di pondok tetamu yang disediakan.
02. Para tetamu termasuk ibu bapa / penjaga dilarang masuk ke dalam asrama.
03. Hari dan waktu melawat adalah seperti berikut :

Sabtu	: 11.15 - 6.00 petang
Ahad	: 10.00 - 6.60 petang
Cuti Am	: 10.00 - 6.00 petang

14. KAWASAN LARANGAN

01. Semua dorm dan blok asrama menjadi kawasan larangan kepada semua pelajar pada waktu-waktu yang ditetapkan :
 - Hari-hari persekolahan.
 - Setiap waktu sembahyang.
 - Aktiviti persatuan / kelab / penghatan Islam
 - Aktiviti rasmi sekolah .
02. Mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua atau Ketua Warden adalah satu kemestian kepada pelajar-pelajar yang balik ke dorm.
03. Pelajar dilarang berkeliaran di hadapan rumah guru / kakitangan dan warden asrama.
04. Pelajar dilarang masuk ke dalam makmal, bilik komputer, perpustakaan, bengkel, pejabat sekolah / warden, bilik sakit dan bilik audio melainkan dengan kebenaran pengetua atau guru .
05. Kawasan asrama perempuan bagi pelajar lelaki pada setiap masa.

06. Kawasan pelajar lelaki bagi pelajar perempuan pada setiap masa.

15. TATASUSILA PENGHUNI ASRAMA

01. Penghuni hendaklah menghormati dan mematuhi segala arahan warden , HEP , Ketua asrama dan ketua-ketua dilantik.
02. Penghuni hendaklah mengucapkan Assalamualaikum apabila bertemu dengan para guru , warden , kakitangan sekolah,kawan-kawan dan para tetamu yang hadir.
03. Penghuni mestilah mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan asrama serta bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda asrama dan sekolah.
04. Penghuni mesti menjaga nama baik dan imej diri sendiri, asrama dan juga nama baik sekolah.
05. Penghuni dilarang membuat bising apabila berada di asrama.
06. Penghuni asrama dilarang keras membuat hubungan dengan sesiapa sahaja yang bukan muhrimnya samada melalui surat menyurat , telefon dan lain-lain yang berkaitan.

16. TINDAKAN TATATERTIB

Berikut adalah di antara denda-denda yang akan dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan dan melanggar peraturan :

01. Nasihat / Teguran.
02. Amaran peribadi.
03. Amaran keras atau di depan umum.
04. Rotan ringan.
05. Membuat kerja ringan.
06. Membuat kerja berat.
07. Kelas tahanan.
08. Sesi kaunseling
09. Surat kepada ibubapa / penjaga.
10. Panggil ibu bapa / penjaga ke sekolah.
11. Tindakan nyata seperti rambut dipotong , barang dirampas dan sebagainya.
12. Laporan ke pihak Polis atau Jabatan Kabajikan Masyarakat.
13. Bayar ganti rugi.
14. Rotan berat.
15. Gantung persekolahan.
16. Bayar wang jaminan RM 300.00
17. Tidak diberi atau ditahan keputusan peperiksaan , sijil atau surat akuan sokongan untuk biasiswa atau melanjutkan pelajaran.
18. Diberhentikan atau dibuang sekolah.

- ❖ Pelaksanaan disiplin sekolah berdasarkan Program Sistem Penalti (PSP). Sila rujuk program tersebut dalam buku ini.
- ❖ Sebarang rayuan ke atas denda hendaklah dibuat melalui Jabatan HEP.
- ❖ Kuasa pemutus dalam semua hal disiplin ialah Pengetua.

JADUAL WAKTU HARIAN PELAJAR

MASA

05.00 pagi
06.15 pagi
06.20 pagi
07.00 pagi
07.30 pagi
07.45 pagi
01.45 petang
02.30 petang
04.30 petang
05.00 petang
06.30 petang
07.15 malam
08.00 malam
08.30 malam
09.00 malam
10.30 malam
11.00 malam

PROGRAM ISNIN - KHAMIS

Bangun tidur , mandi.
Solat Subuh Berjemaah
Tilawah dan Tahfiz (Sesi 1)
Sarapan pagi
Perhimpunan Harian
Persekolahan (Sesi 1)
Solat Zohor / Makan tengahari
Persekolahan (Sesi 2)
Solat Asar.
Rehat - Permainan / sukan.
Makan Malam
Solat Maghrib
Tilawah / Tahfiz Al Quran
Solat Isyak
Kelas Persediaan (Prep)
Hemat diri.
Tidur.

MASA

05.00 pagi
06.15 pagi
06.20 pagi
07.00 pagi
07.30 pagi
07.45 pagi
12.15 petang

02.00 petang
04.30 petang
05.00 petang
06.30 petang
07.15 malam
07.45 malam
08.30 malam
09.00 malam
10.00 malam
11.00 malam

PROGRAM JUMAAT

Bangun tidur , mandi.
Solat Subuh Berjemaah
Tilawah dan Tahfiz (Sesi 1)
Sarapan pagi
Perhimpunan Harian
Persekolahan (Sesi 1)
Solat Zohor / Solat Jumaat/ Perhimpunan pelajar-
pelajar perempuan di asrama perempuan
Makan tengahari / hemat diri
Solat Asar.
Rehat - Permainan / sukan.
Makan Malam
Solat Maghrib
Program Penghayatan Islam (Sesi 1)
Solat Isya'
Program Penghayatan Islam (Sesi 2)
Hemat diri.
Tidur.

MASA

05.30 pagi
06.15 pagi
06.30 pagi
07.00 pagi
07.30 pagi
09.00 pagi

11.00 pagi
01.30 tgh
01.30 tgh
02.00 petang
04.30 petang
05.00 petang
06.30 petang
07.15 malam
07.30 malam
08.30 malam
09.00 malam
11.00 malam

PROGRAM SABTU

Bangun Tidur
Solat Subuh
Kuliah subuh / Tilawah dan Tahfiz Al Quran
Makan pagi
Gotong royong / pemeriksaan mingguan
Aktiviti ko kurikulum / Kelas persediaan (prep) / Kelas
Tambahan
Hemat Diri
Solat Zohor
Makan tengahari
Hemat Diri
Solat Asar
Hemat Diri / Sukan
Makan Malam
Solat Maghrib
Kuliah Maghrib
Solat Isya'
Hemat Diri / Sesi menonton tayangan / tv
Tidur

MASA

05.30 pagi
06.15 pagi
06.30 pagi
07.00 pagi
07.30 pagi
01.30 tgh
01.30 tgh
02.00 petang
04.30 petang
05.00 petang
06.30 petang
07.15 malam
07.30 malam
08.30 malam
09.00 malam
10.30 malam
11.00 malam

PROGRAM AHAD

Bangun Tidur
Solat Subuh
Hemat diri
Makan pagi
Hemat diri
Solat Zohor
Makan tengahari
Hemat Diri
Solat Asar
Hemat Diri / Sukan
Makan Malam
Solat Maghrib
Slot bersama warden asrama
Solat Isya'
Kelas persediaan (prep)
Hemat diri
Tidur.

PROGRAM SISTEM PENALTI (PSP)

01. JENIS KESALAHAN

KESALAHAN BERAT

01. Melakukan mana-mana kesalahan sederhana sebanyak 3 kali
02. Menyimpan, membawa, mengedar, menghisap atau terbabit dalam kegiatan dadah
03. Membawa, menyimpan, menghisap atau mengedar bahan tembakau
04. Membawa, meminum, menyimpan atau mengedar minuman keras atau sebarang benda yang memabuk atau mengkhayalkan
05. Menyebabkan atau melakukan pergaduhan atau kekerasan
06. Melawan, mengancam, memukul, mengugut atau mencederakan guru / pengawas / murid
07. Biadap terhadap guru / pengawas / murid lain
08. Tidak melaksanakan mana-mana ibadat fardhu seperti solat, puasa dan sebagainya
09. Memeras ugut guru / pengawas / murid lain
10. Membawa atau menggunakan senjata atau alat yang merbahaya
11. Melakukan buli, penderaan atau paksaan terhadap murid lain
12. Mencuri, merompak, memecah masuk atau mencero boh kawasan larangan
13. Melakukan perjudian atau membabitkan diri dalam pertaruhan
14. Mencetak, menerbit, mempamer, mengedar atau menyimpan rencana, majalah atau pita rakaman dan multimedia terlarang
15. Membabitkan diri dalam kumpulan haram
16. Mencabul kehormatan guru / murid
17. Melakukan zina, liwat atau hubungan luar tabii
18. Melacur atau menjadi bohsia, bohjan atau bohpon (pondan)
19. Bersekedudukan atau membabitkan diri dalam kegiatan tidak bermoral
20. Mengintai guru / murid lelaki / murid perempuan
21. Menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar yang mencemarkan
22. Merosakkan harta benda sekolah
23. Memiliki, membawa atau menggunakan bahan letupan
24. Menulis / melukis perkataan atau bahan lucah atau melakukan perbuatan lucah
25. Membabitkan diri dalam tunjuk perasaan, perhimpunan haram atau merusuh
26. Menyalahgunakan alat permainan, elektronik atau bahan-bahan multimedia
27. Membawa atau menggunakan alat yang boleh menyebabkan kecederaan atau mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran / ujian / peperiksaan

28. Menganjur atau melibatkan diri dalam acara kebudayaan yang bertentangan dengan prinsip Islam dan kebudayaan masyarakat Malaysia
29. Menganjurkan atau melibatkan diri dalam acara kebudayaan tanpa kebenaran pengetua
30. Melakukan ponteng sekolah berterusan (berturut-turut) selama 30 hari atau berkala (tidak berturut-turut) selama 60 hari setahun
31. Mengganggu atau menjejaskan kuasa pengetua atau guru yang menjalankan tugas
32. Membawa masuk tetanu dari luar kawasan sekolah tanpa kebenaran
33. Mengedar, memiliki, membawa, melukis atau mempamerkan bahan-bahan lucah
34. Mengeluarkan kata-kata lucah atau kesat
35. Melakukan hubungan yang dicurigai
36. Kesalahan-kesalahan lain yang yang dikategorikan / diputuskan berat oleh mesyuarat semasa Lembaga Disiplin Sekolah Kiblah

KESALAHAN SEDERHANA

01. Melakukan mana-mana kesalahan ringan sebanyak 3 kali
02. Menyalahgunakan / menggunakan peralatan / sumber bekalan elektrik sekolah tanpa kebenaran
03. Keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran
04. Tidak amanah, menipu, berbohong dan meniru ketika ujian atau peperiksaan
05. Ponteng sebarang acara rasmi sekolah
06. Tidak menghormati lagu-lagu / bendera / jata sekolah, negeri dan kebangsaan
07. Fesyen rambut keterlaluan seperti punk / skinhead atau berwarna
08. Menconteng pada harta benda sekolah
09. Memakai apa jua barang kemas
10. Memakai subang berlebihan (bagi perempuan) pada cuping telinga atau bertindik pada mana-mana bahagian badan
11. Mewarna kuku dengan apa jua jenis bahan termasuk inai
12. Kesalahan-kesalahan lain yang yang dikategorikan / diputuskan sederhana oleh mesyuarat semasa Lembaga Disiplin Sekolah Kiblah

KESALAHAN RINGAN

01. Menyimpan misai, janggut dan jambang
02. Berambut panjang atau menyerupai kumpulan tertentu
03. Bermain dalam bilik darjah, koridor atau kawasan yang dilarang
04. Menggunakan atau membawa keluar sebarang peralatan sekolah, bilik darjah, koridor atau kawasan yang dilarang
05. Keluar dari bilik darjah tanpa kebenaran

06. Berada di kantin sekolah pada waktu pembelajaran (kecuali waktu rehat) tanpa kebenaran
07. Menyimpan atau menggunakan alat permainan kepunyaan sekolah tanpa kebenaran
08. Menggunakan alat hiburan atau elektronik sekoah tanpa kebenaran
09. Memasuki atau tidak mematuhi arahan makmal, bengkel atau bilik khas
10. Memakai barang kemas atau perhiasan atau alat solek kecuali jam tangan
11. Memasuki bilik khas tanpa kebenaran
12. Makan atau minum dalam bilik darjah
13. Melakukan pembaziran eletrik
14. Tidak memakai pakaian seragam sekolah yang lengkap
15. Semua kesalahan terbabit dengan pembelajaran (tidak membawa buku, tidak membuat kerja rumah, tidak memberi perhatian dan lain-lain)
16. Datang lewat ke sekolah
17. Lewat bergerak ke perhimpunan, bengkel atau makmal
18. Bising dalam bilik darjah sehingga mengganggu kelas lain
19. Menunggang atau memandu dalam kawasan sekolah
20. Berjalan-jalan tanpakebenaran
21. Tidak membuat gerak kerja yang ditugaskan
22. Mengganggu kawasan
23. Mengganggu guru
24. Lewat masuk ke dalam kelas
25. Mengotorkan kawasan di dalam dan diluar kelas
26. Tidak duduk di tempat masing-masing
27. Kesalahan-kesalahan lain yang yang dikategorikan / diputuskan ringan oleh mesyuarat semasa Lembaga Disiplin Sekolah Kiblah

02. PROGRAM SISTEM PENALTI (PSP)

Berdasarkan sistem ini, mata penalti akan diberikan bagi setiap salah laku seperti berikut ;

1. Tingkah laku jenayah
2. Tingkah laku lucah
3. Tingkah laku kekemasan diri
4. Tingkah laku tidak mementingkan masa
5. Tingkah laku kurang sopan dan biadap
6. Tingkah laku musnah (vandalisme)
7. Ponteng
8. Datang lewat

MATA PENALTI

1. Setiap salah laku pelajar akan diberikan mata penalti mengikut jenis salah laku dan direkodkan.
2. Langkah hukuman akan dibuat mengikut mata penalti yang dikumpul oleh pelajar berkenaan
3. Ahli Lembaga Disiplin Sekolah berhak memutuskan (dalam mesyuarat) jenis-jenis hukuman yang munasabah dan setimpal bagi setiap kategori selain daripada langkah / hukuman yang terkandung di bawah ini.

BIL	MATA PENALTI	LANGKAH / HUKUMAN
1	1	- Mengisi kad disiplin pelajar - Amaran
2	5	- Mengisi kad disiplin pelajar - Amaran - Khidmat sosial
3	10	- Mengisi kad disiplin pelajar - Menghubungi ibu bapa / penjaga - Rotan 1 kali - Satu amaran
4	20	- Mengisi kad disiplin pelajar - Menghubungi ibu bapa / penjaga - Rotan 1 kali - Satu amaran - Sesi kaunseling
5	30	- Mengisi kad disiplin pelajar - Menghubungi ibu bapa / penjaga - Rotan 3 kali - Satu amaran - Menandatangani surat penjanjian
6	40	- Mengisi kad disiplin pelajar - Menghubungi ibu bapa / penjaga - Surat pemberitahuan (pertemuan dengan ibu bapa / penjaga) - Gantung persekolahan - Menandatangani surat perjanjian - Bayar wang jaminan RM 300 - Sesi kaunseling
7	50	- Buang sekolah

JENIS SALAH LAKU, MATA PENALTI DAN TINDAKAN DISIPLIN

Kod	Kesalahan / Perlakuan	Mata Penalti	Tindakan Disiplin
TINGKAH LAKU JENAYAH			
J01	Berjudi	40	Gantung / Buang sekolah
J02	Mencuri dan memecah masuk kawasan larangan	40	Gantung / Buang sekolah
J03	Melawan / mengancam / memukul / mencederakan guru	40	Gantung / Buang sekolah
J04	Melawan / mengancam / memukul / mencederakan pengawas	40	Gantung / Buang sekolah
J04	Memeras ugut	40	Gantung / Buang sekolah
J05	Membuli	40	Gantung / Buang sekolah
J06	Menganggotai kumpulan haram / kongsi gelap	40	Gantung / Buang sekolah
J07	Menyalahgunakan dadah	40	Gantung / Buang sekolah
J08	Membawa senjata berbahaya / bahan letupan	40	Gantung / Buang sekolah
J09	Mencabul kehormatan	40	Gantung / Buang sekolah
J10	Mengancam / memukul / mencederakan pelajar lain	40	Gantung / Buang sekolah
J11	Menceroboh bilik khas / kedai / koperasi / pejabat sekolah atau asrama	40	Gantung / Buang sekolah
J12	Mengedar dadah	40	Gantung / Buang sekolah
J13	Menunjuk perasaan / berpiket / mengganggu ketenteraman sekolah	40	Gantung / Buang sekolah
J14	Bertaruh secara besar-besaran	40	Gantung / Buang sekolah
J15	Membawa masuk orang luar ke kawasan sekolah tanpa kebenaran	40	Gantung / Buang sekolah
J16	Membakar	40	Gantung / Buang sekolah
J17	Berzina / liwat / lesbian / homoseksual	40	Gantung / Buang sekolah

718	Membawa / memili senjata api	40	Gantung / Buang sekolah
TINGKAH LAKU LUCAH			
L01	Bercumbu-cumbuan	40	Gantung / Buang sekolah
L02	Berkhalwat	40	Gantung / Buang sekolah
L03	Membawa bahan lucah ke sekolah / asrama	20	Amaran / Panggil ibu bapa
L04	Mengintai murid lelaki / perempuan	20	Amaran / Panggil ibu bapa
L05	Menggunakan kata dan perbuatan lucah	20	Amaran / Panggil ibu bapa
L06	Melukis gambar / menulis kata lucah	20	Amaran / Denda
TINGKAH LAKU KEKEMASAN DIRI			
K01	Berambut panjang untuk lelaki / fesyen rambut keterlaluan / bertentangan dengan peraturan sekolah	3	Potong terus
K02	Berkuku panjang	2	Potong terus
K03	Bermisai dan berjanggut	2	Cukur terus
K04	Memakai pakaian seragam yang tidak mengikut peraturan sekolah ;		
	- Tiada lencana / lencana kabur / lencana tidak disulam	2	Beli lencana
	- Tiada tanda sesi	2	Beli lencana
	- Kain seluar bukan jenis slack	2	Amaran
	- Tidak memakai stoking / warna stoking yang tidak dibenarkan	2	Amaran
	- Memakai pakaian biasa ke sekolah	2	Tidak dibenarkan masuk

Buku Panduan Peraturan Sekolah dan Asrama

	- Memakai t-shirt yang berwarna (selain putih) di dalam pakaian seragam sekolah	2	Baju dirampas
	- Memakai jaket / sweeter	2	Baju dirampas
	- Tidak memakai pakaian ko kurikulum semasa aktiviti ko kurikulum	2	Amaran / Arah pakai
	- Memakai kasut selain jenis PVC atau kulit	2	Amaran
K05	Memakai barang perhiasan ke sekolah ;		
	- Memakai barang kemas	10	Dirampas / Amaran
	- Memakai minyak wangi bagi perempuan	10	Dirampas / Amaran
	- Memakai rantai agama tanpa kebenaran	10	Dirampas / Amaran
	- Lelaki memakai subang / rantai / gelang / cincin	10	Dirampas / Amaran
K06	Membawa barang yang tidak dibenarkan ;		
	- Semua jenis alat yang tajam	2	Dirampas
	- Kamera / radio /walkman / pager / telefon bimbit	2	Dirampas
	- Gambar diri berfokus keterlaluan / tidak bersopan	2	Dirampas
	- Gambar atau poster artis / model	2	Dirampas
	- Liquid paper / marker pen	2	Dirampas
	- Cermin mata hitam / teropong	2	Dirampas
	- Kosmetik / cermin / minyak wangi	2	Dirampas
	- Majalah hiburan / komik	2	Dirampas
	- Pita video / VCD / Kaset	2	Dirampas
	- Kad poker / bahan untuk berjudi	2	Dirampas

	- Tanda-tanda / lencana / poster / bahan yang berunsur politik	2	Dirampas
	- Kad magik,kad pokemon, kad yo-yo dan seumpamanya	2	Dirampas
K07	Memakai selipar, sandal kecuali dengan kebenaran	2	Dirampas
K08	Kuku berwarna / berinai	2	Amaran / bersihkan
K09	Merwarna rambut	15	Ibu bapa diminta bawa anak pulang sehingga rambut dihentikan
K10	Mencabut bulu kening	2	Amaran
K11	Bersolek	2	Amaran
TINGKAH LAKU TIDAK MEMENTINGKAN MASA			
M01	Berkeliaran / merayau di kawasan sekolah	2	Amaran
M02	Datang lewat ke sekolah	2	Amaran / Denda
M03	Lewat ke perhimpunan	2	Amaran
M04	Makan di kantin di luar waktu rehat	2	Amaran
M05	Lewat pulang ke asrama	2	Amaran
M06	Tidur dalam kelas	2	Amaran / Panggil ibu bapa
M07	Bermain di dalam blik darjah atau kaki lima	2	Amaran / Denda
M08	Keluar kelas tanpa pas / kebenaran	2	Amaran
M09	Berada di kantin sebelum / selepas waktu rehat	2	Amaran
M10	Keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran	2	Hubungi ibu bapa

TINGKAH LAKU YANG KURANG SOPAN DAN BIADAP			
S01	Berkelakuan kasar terhadap guru	15	Amaran
S02	Berkelakuan kasar terhadap pengawas	10	Amaran
S03	Berbahasa kasar terhadap murid	10	Amaran
S03	Berbahasa kesat / kasar	10	Amaran
S04	Menyimpan dan mengedar rokok	10	Amaran / Panggil ibu bapa
S05	Menghisap rokok	20	Amaran / Panggil ibu bapa
S06	Mengganggu pengajaran dan pembelajaran	10	Amaran
S07	Tidak menghormati / engkar arahan guru	10	Amaran / Panggil ibu bapa
S08	Tidak menghormati pengawas	5	Amaran
S09	Simpan / edar minuman keras / sebarang minuman yang memabukkan	20	Rampas / Panggil ibu bapa
S10	Menyimpan pemetik api / mancis	10	Rampas / Amaran
S11	Terlibat dalam aktiviti yang mencemarkan nama baik sekolah	15	Amaran / Panggil ibu bapa
S12	Melanggar peraturan trafik	10	Amaran / Denda
TINGKAH LAKU ROSAK			
R01	Merosakkan harta benda sekolah	10	Amaran / Denda
R02	Merosakkan harta benda Pengetua /guru	10	Amaran / Denda
R03	Merosakkan harta benda kantin	10	Amaran / Denda

R04	Merosakkan harta benda pelajar	10	Amaran / Denda
R05	Merosakkan harta benda asrama	10	Amaran / Denda
R06	Melakukan pembaziran air atau elektrik	10	Amaran / Denda
R07	Menyalahgunakan peralatan eletrik	10	Amaran / Denda
R08	Mengotorkan kawasan / bangunan sekolah	10	Amaran / Denda
R07	Mengotorkan kelas	2	Amaran / Denda
TINGKAH LAKU BOHONG / TIDAK JUJUR			
B01	Menipu yang melibatkan duit	15	Hubungi ibu bapa
B02	Menipu yang melibatkan kepercayaan	15	Hubungi ibu bapa
B03	Menipu semasa ujian / peperiksaan	15	Markah 0 untuk ujian / pepriksaan
B04	Memalsukan keterangan / rekod rasmi	15	Hubungi ibu bapa
B05	Memalsukan maklumat kes	15	Hubungi ibu bapa
TINGKAH LAKU PONTENG			
P01	Ponteng kelas	2	Amaran
P02	Ponteng solat	20	Denda / hubungi ibu bapa
P03	Ponteng solat berjemaah	15	Amaran / Denda
P04	Ponteng puasa fardhu	20	Denda / hubungi ibu bapa
P05	Ponteng puasa sunat	10	Amaran / Denda

Buku Panduan Peraturan Sekolah dan Asrama

P06	Ponteng aktiviti penghayatan Islam	10	Amaran / Denda
P07	Ponteng kelas prep	10	Amaran / Denda
P08	Ponteng aktiviti rasmi sekolah	10	Amaran / Denda
P09	Ponteng sekolah ;		
	- 3 hari berturut-turut atau 10 hari tidak berturut-turut	6	Amaran pertama
	- 10 hari berturut-turut atau 20 hari tidak berturut-turut	20	Amaran kedua
	- 17 hari berturut-turut atau 40 hari tidak berturut-turut	40	Amaran terakhir
	- 31 hari berturut-turut atau 60 hari tidak berturut-turut	50	Buang sekolah
P10	Ponteng perhimpunan	5	Amaran
P11	Ponteng aktiviti luar bilik darjah / ko kurikulum	5	Denda
P12	Ponteng ujian	5	Denda
P13	Ponteng peperiksaan	10	Denda
P14	Ponteng asrama / Keluar dari kawasan sekolah atau asrama (fly)	20	Hubungi ibu bapa / Amaran